



BERGANDING BAHU...sebahagian guru bergotong-royong membersihkan peralatan persekolahan yang rosak akibat banjir

Tengkujuh bertandang

Banjir terburuk

>>Oleh Shalfarina Shahrman
am@hmetro.com.my

KUANTAN: "Sejak sekolah ini ditubuhkan kira-kira 94 tahun lalu, inilah kejadian banjir yang terburuk pernah dialami sekali gus mengakibatkan kerugian hampir RM200,000.

"Bagaimanapun, kami tetap berusaha memastikan sekolah ini dapat dibuka untuk sesi tahun baru seperti yang ditetapkan minggu depan kerana tidak mahu pelajar ketinggalan mengikuti jadual Jabatan Pelajaran Negeri (JPN)," kata Guru Besar Sekolah Kebangsaan Sultan Abdullah (SKSA), Mohd Zaki Zainudin ketika operasi gotong royong membersihkan sekolah itu di sini, semalam.

Mohd Zaki berkata, ketika kejadian banjir Isnin lalu, beberapa kakitangan hanya sempat menyelamatkan sedikit peralatan penting seperti komputer dan dokumen lain.

Menurutnya, walaupun banjir terbabit mengakibatkan kerosakan terhadap beberapa peralatan sekolah namun mereka tetap berusaha



"Antara yang paling teruk terjejas adalah bilik guru, bilik prasekolah dan koperasi yang menyebabkan hampir 80 peratus peralatan rosak"

>Mohd Zaki Zainudin

memberikan kelengkapan yang terbaik kepada murid supaya dapat belajar seperti biasa.

"Kami berusaha mencapai dasar 1Murid, 1Kerusi, 1Meja dan 1Set buku bagi memudahkan pelajar mengikuti pelajaran di dalam bilik darjah. Antara yang paling teruk terjejas adalah bilik guru, bilik prasekolah dan koperasi yang menyebabkan hampir 80 peratus peralatan rosak dan tidak boleh digunakan," katanya.

Beliau berkata, minggu orientasi untuk pelajar tahun satu akan tetap dijalankan dengan menggunakan dewan sekolah, ketika sesi yang akan bermula minggu depan.

Katanya, pihaknya juga sudah berbincang dengan pembekal buku untuk menghantar semula barangan terbabit dan pihaknya difahamkan semua bahan bacaan akan diterima minggu depan.

"Justeru, disebabkan kerosakan yang berlaku agak teruk, kami terpaksa membuat gotong-royong sebanyak tiga kali untuk membersihkan kawasan sekolah ini secara keseluruhan dengan kerjasama Jabatan Bomba dan Penyelamat serta Majlis Perbandaran Kuantan (MPK)," katanya.

Skuad ringan derita

KUALA BERANG: Kehadiran rombongan Briged Sukarelawan New Straits Times Press (NSTP)-Media Prima yang terbabit dalam misi bantuan banjir menghulurkan sumbangan menceriakan mangsa banjir di pusat pemindahan sejak awal minggu ini.

Mangsa banjir, Mohd Zuki Ishak (*gambar*), 30, berkata, dia bersyukur kerana sumbangan itu membantu memudahkan mereka menjimatkan masa membeli keperluan dapur yang kebanyakannya musnah dalam banjir.

Buruh binaan itu berkata, rumahnya di Kampung Kua, dekat sini, yang dinaiki air hingga ke paras dada menyebabkan dia, isteri serta dua anak berusia empat dan satu tahun terpaksa dipindahkan ke pusat pemindahan.

"Pada hari pertama kami menerima bantuan makanan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat dan bekalan itu agak terhad namun mujurlah ahli Briged Sukarelawan NSTP-Media Prima melawat ke pusat pemindahan ini untuk meringankan penderitaan kami," katanya ketika ditemui selepas menerima sumbangan misi bantuan banjir Briged Sukarelawan NSTP-Media Prima di Masjid Kampung Kua, dekat sini, semalam.

Sementara itu, Ketua Komunikasi Korporat NSTP, Wan Abdillah Wan Nawi berkata, misi yang dilancarkan selama dua hari itu, pihaknya akan berkunjung ke empat kawasan di Hulu Terengganu dan dua di Kemaman.

Menurutnya, pelbagai barangan keperluan asas serta barangan dapur termasuk



"Barangan keperluan yang disumbangkan cukup untuk kegunaan seminggu dan mangsa tidak perlu bersusah payah untuk mendapatkan barangan itu ketika mereka pulang ke rumah semula," katanya ketika ditemui selepas mengagihkan sumbangan kepada mangsa banjir di Masjid Kampung Kua, di sini semalam.

Turut hadir Ahli Dewan Undangan Negeri Ajil, Datuk Rosol Wahid serta Ahli Parlimen Hulu Terengganu, Mohd Nor Othman.

Wan Abdillah berkata, seramai 50 ahli Briged Sukarelawan NSTP-Media Prima termasuk dari Balai Berita Ajil terbabit menyertai misi itu.

Beliau berkata, pihaknya berterima kasih kepada Tesco dan Adabi kerana menjadi penaja utama dengan menyediakan pelbagai barangan keperluan dan makanan bernilai RM60,000 selain menghargai kerjasama Pejabat Daerah Hulu Terengganu yang menyediakan dua lori untuk mengangkut barangan keperluan kepada mangsa banjir.

beras dan gula yang bernilai RM150 diagihkan untuk persediaan lebih 950 keluarga mangsa banjir yang tinggal di pusat pemindahan ketika pulang ke rumah masing-masing selepas banjir pulih.

"Hari pertama kita melawat empat pusat pemindahan di Hulu Terengganu iaitu di Kampung Kua, Kampung Menerong, Pengkalan Ajal serta Kampung Lubuk Periuk dan hari kedua kita akan melawat ke Kemaman iaitu Sekolah Agama Rakyat dan Bangunan GPW di Kampung Seberang Tayor.



PUNGGAH...sukarelawan memunggah barangan keperluan untuk diagihkan kepada mangsa banjir.



BAHAGI...sukarelawan membahagikan barangan bantuan untuk diserahkan kepada mangsa banjir.